

# SIAPA DIA ULAMA?

-----\*-----

Banyak orang-orang kita yang ke London bahkan telah menangis di dalam hati tatkala melihat kemunduran “Umat Islam” di dalam segala lapangan hidup, sehingga segala-segalanya telah tergenggam di dalam tangan orang-orang asing. Di mana salahnya? Siapakah yang bertanggungjawab? Bacalah jawapnya di bawah ini yang telah diasaskan daripada pendapatan orang-orang yang sebenar-benarnya berjiwa Islam.

(oleh: Ibn Batutah)

Allah Subhanahu wa Taala telah menyatakan di dalam kitab suci-Nya – bahawa Tuhanlah yang telah menurunkan hujan yang keranannya telah tumbuh segala tumbuhan-tumbuhan dengan suburnya, lalu mengeluarkan buah-buahan yang berbagai-bagai warna, bentuk, rasa, dan baunya. Tuhan juga telah menjadikan segala gunung-gunung dan bukit-bukit berlainan-berlainan rupa dan warnanya, daripada putih melepak kepada merah, lalu kepada hitam sehitam-hitamnya. Begitu juga halnya segala makhluk-makhluk yang lain daripada manusia, binatang-binatang dan sebagainya, tiap-tiap jenis itu berbeza-beza di antara satu sama lain.

Setelah Tuhan menceritakan kejadian yang tersebut itu lalu ditundanya dengan firman-Nya lagi maksudnya:

“Hanya sanya orang yang takutkan Allah di antara hamba-hambanya yang banyak itu, ialah orang-orang alim ulama.””

Siapakah gerangannya alim ulama yang dikehendaki di dalam ayat ini? Adakah agaknya alim ulama yang telah menghabiskan umur dengan menceritakan hukum-hukum suci, hukum najis, hukum berjual beli dan hukum membahagi pusaka? Atau pun alim ulama yang telah mendapat ilmu dan hikmah lalu mereka bersungguh-sungguh menyelidiki akan kejadian-kejadian langit dan bumi, dengan penyelidikan yang diasaskan di atas dalil-dalil yang tetap menurut segi ilmu pengetahuan?

Sekarang mari kita menungkan susunan ayat Quran yang disebutkan di atas tadi. Pada mulanya Tuhan menceritakan ajaib-ajaib kejadian langit dan bumi serta makhluk-makluknya yang lain-lain itu sesudah itu dinyatakan pula di antara segala hambanya yang banyak itu yang sangat-sangat takut melanggar perintah-Nya ialah orang-orang yang bersifat alim ulama. Di sini kebanyakan kita terpedaya kerana kita telah mentakrifkan bahawa yang dikehendaki dengan nama alim ulama ialah mereka-mereka yang telah mahir di dalam selok belok ilmu “fikah” dan tatkala memperkatakan soal “tauhid” mereka itu berpegang kukuh kepada kitab-kitab yang terkenal dengan nama kitab-kitab ilmu Tauhid. Sedangkan kitab-kitab yang tersebut pada mulanya telah dikarang semata-mata untuk menentang (rad) kepada beberapa puak yang telah sesat pada zaman yang lampau seperti puak muktazilah dan sebagainya. Inikah ilmu tauhid? Tidak! Ini ilmu berbahas dan bertikam lidah namanya.

Ilmu tauhid yang sebenarnya adalah terkandung di dalam ilmu falak, ilmu bumi, ilmu tumbuh-tumbuhan, ilmu haiwan, dan ilmu yang memperikan hal ehwal manusia. Di sinilah letaknya ilmu tauhid!

Di dalam kitab suci tuhan telah berfirman menempelak akan manusia yang tidak mahu memandang dan menyelidiki akan segala kejadian-kejadian yang telah dijadikan Allah, Maksudnya: “Apa tidakkah mereka mahu memandang kepada kejadian langit

dan bumi, dan barang yang dijadikan Allah daripada sesuatu kejadian?”

Tuhan telah menamakan akan golongan yang bersungguh-sungguh memandang, berfikir, dan menyelidiki akan kejadian alam ini dan isinya dengan nama “al-Ulama” dan mereka lah yang sebenar-benarnya takut melanggar perintahnya dan membesar kannya dengan khusyuknya. Tetapi perasaan takutkan Allah seperti yang dikatakan ini tidak akan terbit melainkan dari segi agama sedangkan agama Islam amat mementingkan kepada berfikir dan menyelidiki sesuatu kejadian.

Sekarang semaklah satu ayat lagi yang lebih terang kupasannya terhadap soal ini. Madmun-Nya: “Dan setengah daripada tanda-tandanya (Tuhan) ia telah menjadikan (tujuh petala) langit dan bumi, dan pertelingkahan bahasa dan warna kamu, bahwasanya yang demikian ini adalah mengandungi tanda-tandanya (untuk berfikir) bagi orang-orang alim ulama.” Di sini Tuhan telah memperikan bahawa segala kejadian alam dan isinya ini menjadi bukti yang menggerakkan supaya orang-orang yang berilmu pengetahuan, yang terpelajar tinggi dan yang bernama alim ulama itu memikir dan menyelidikinya!

Siapa dari alim ulama yang sanggup menuaikan tanggungan ini – ulama fikah? Atau ulama ilmu bahas dan bertikam lidah (al-Jidal) yang mereka namakan ilmu at-Tauhid itu?

Tidak ada lain orangnya yang sanggup dan berkebolehan membongkar rahsia kejadian-kejadian alam yang tersebut itu selain daripada ulama falak (yang memperikan rahsia langit satu persatu), ulama yang mengetahui ilmu bumi. Ulama yang fakir di dalam ilmu galian (logam), ulama yang ahli di dalam ilmu haiwan, dan ulama yang bijak di dalam soal-soal yang memperikan hal ehwal manusia dan tiap-tiap benda yang bersangkutan dengannya.

Tetapi ilmu falak tidak dapat dipelajari melainkan setelah mengetahui ilmu hisab, ilmu al-handasah (geometri) dan algebra. Demikian juga halnya “ajaib kejadian” yang terkandung di dalam haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Tuhan semesta alam telah menyatakan lagi:

“Dan ialah Tuhan yang telah memudahkan laut supaya kamu dapat makan daripadanya daging lembut (ikan dan sebagainya) dan supaya kamu dapat mengeluarkan daripadanya perhiasan yang akan kamu memakainya (mutiara dan lain-lainnya) dan kamu dapat melihat akan kapal-kapal belayar di dalamnya iaitu supaya kamu menuntut akan segala limpah kurnia-Nya (daripada perniagaan melalui laut itu) mudah mudahan kamu berterima kasih” (bersyukur).

Ayat Quran ini kita baca pagi dan petang tetapi kita tidak tertarik mengamalkan isinya. Kenapa? Kerana kejahilan kita di dalam ilmu-ilmu kemajuan yang tersebut. Mari kita bertanya kepada diri sendiri:

Siapakah yang telah membolot hasil pengeluaran ikan?

Siapakah yang telah membolot hasil pengeluaran mutiara?

Siapakah yang telah berjaya mendirikan syarikat-syarikat kapal yang telah membongkar segala muka lautan? Jawapannya: Sudah tentu bangsa asing.

Di sinilah letaknya rahsia kejatuhan kita, kerana kita telah tidak sanggup menuaikan apa yang telah ditanggungkan kepada kita. Tetapi kesalahan ini adalah puncanya disebabkan alim ulama kita yang telah mencuaikan amanah Allah dan yang telah terpedaya dengan ilmu “fikahnya” yang telah dibesar-besarkan sehingga boleh didapat berjuta-juta kita yang telah dikarang di dalam ilmu itu, sedangkan hasilnya kepada umum umat Islam adalah sepalt!!

Bagaimana kita boleh menebus kesalahan ini, bacalah huraiannya di dalam majalah “Qalam” yang akan datang.